

PM, menteri Kabinet hadir rumah terbuka Tahun Baharu Cina

BH- 27/1/2020 m/s: 2.

Klang: Tun Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri Kabinet semalam menghadiri rumah terbuka Tahun Baharu Cina 2020 yang dihoskan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng serta Dewan Perdagangan dan Industri Cina Klang (KCCCI) di sini.

Perdana Menteri dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali yang berpakaian merah jambu dan merah, tiba kira-kira jam 11 pagi disambut Guan Eng bagi menyertai kira-kira 1,000 tetamu pelbagai lapisan masyarakat pada majlis yang dimeriahkan dengan tarian singa serta persembahan tradisional lain mewakili rakyat pelbagai budaya di Malaysia.

Antara ahli Kabinet yang hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad; Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad dan Menteri Industri Utama, Teresa Kok serta Pengerusi KCCCI, Tan Sri Lim Kuang Sia.

Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah dan tetamu lain kemudian bersama-sama menggaul 'yee sang' sebagai simbolik memperoleh kesejahteraan dan semua perkara dilakukan memperoleh keuntungan.

BERNAMA



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bersama Guan Eng menggaul yee sang pada majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina 2020 di Bangunan Persatuan Hokkien Klang, semalam.

(Foto BERNAMA)